

Headline	Mohon RM500 mulai 10 Disember		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	25	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,505
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,515



Mohon RM500 mulai 10 Disember

■ Borang pendaftaran boleh didapati percuma ■ Bayaran dibuat pertengahan Januari

KUALA LUMPUR: Pendaftaran permohonan Bantuan Tunai RM500 boleh dibuat mulai 10 Disember ini untuk tempoh sebulan, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Sehubungan itu, pembayaran Bantuan RM500 hanya akan dibuat kepada ketua isi rumah yang layak mulai pertengahan Januari tahun depan, kata Ahmad Husni dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, borang pendaftaran boleh didapati secara percuma mulai tarikh tersebut di Jabatan Pembangunan Persekutuan, Pejabat Cawangan dan Pusat Khidmat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) serta agensi kerajaan.

“Borang yang lengkap diisi berserta salinan kad pengenalan hendaklah diserahkan untuk proses pendaftaran di Jabatan Pembangunan Perse-

Headline	Mohon RM500 mulai 10 Disember		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	25	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,505
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,515

kutuan/Negeri, sekolah terpilih serta pejabat cawangan LHDNM,” katanya.

Menurut Ahmad Husni bantuan ini dijangka dapat memberi manfaat kepada 5.2 juta isi rumah atau 79.5 peratus daripada keseluruhan isi rumah.

“Pemberian ini membabitkan anggaran peruntukan RM2.6 bilion,” katanya.

Pada pembentangan Belanjawan 2012 pada Oktober lalu, kerajaan mengumumkan pemberian bantuan tunai sekali RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.

“Bantuan ini tanda keprihatinan kerajaan dalam usa-

ha untuk membantu meredakan kenaikan kos sara hidup rakyat,” kata Ahmad Husni.

Isi rumah yang layak memohon, merujuk kepada seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua ketua keluarga.

Ia merangkumi individu berkahwin, termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa; ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan; individu (bujang, duda, ibu tunggal) bujang yang mempunyai tanggungan; dan warga emas sebatang kara.

Ketua isi rumah yang bekerja sendiri juga layak memohon. - Bernama

“

Bantuan ini dijangka dapat memberi manfaat kepada 5.2 juta isi rumah”

>Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah
Menteri Kewangan Kedua

